

06/01/2003

Tiba masa Samy Vellu berundur

M Muniandy

PERDANA Menteri akan melepaskan jawatannya dalam parti dan kerajaan Oktober depan, selepas hasratnya berbuat demikian tahun lalu, dihalang oleh rakyat.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melepaskan jawatannya selepas berbakti dan menaburkan jasa yang tidak terkira nilainya kepada rakyat dan negara.

Pada pandangan saya, langkah Dr Mahathir itu perlu dicontohi oleh pemimpin veteran lain.

Kami masyarakat India juga bertuah kerana bernaung dalam pimpinan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu. Beliau membawa banyak kemajuan dan bakti untuk kepentingan dan kemajuan masyarakat India di negara ini.

Jasa dan bakti beliau kepada negara, khususnya masyarakat India sudah mencukupi.

Oleh itu, pada pandangan kami tiba masanya Samy mengundur diri dan memberi peluang kepada muka baru untuk memimpin parti ini.

M MUNIANDY,
Kulim, Kedah.